



جامعة السلطان الشري夫 علي الإسلامية
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY

**Fakulti Usuluddin
Semester I, Sesi Akademik 2020/2021**

Kertas Soalan Peperiksaan

Kod Kursus	: UD0208
Nama Kursus	: Tasawuf dan Akhlak
Peringkat Kursus	: Diploma Kebangsaan Da‘ie dan Kepimpinan
Masa	: 3 jam

Nota :

Jawab **EMPAT** soalan daripada soalan-soalan berikut.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Soalan Pertama (10 markah)

Islam menempatkan akhlak dalam kedudukan yang sangat penting. Malahan setiap aspek daripada ajaran Islam tetap berorientasikan akhlak yang baik.

- 1.1 Terangkan definisi akhlak dari sudut bahasa dan istilah.
- 1.2 Nyatakan kepentingan akhlak dalam Islam beserta dalil daripada Quran dan Hadith serta peranan akhlak Islam dalam membangun generasi rabbani.

Soalan Kedua (10 markah)

Maqam dan hal merupakan struktur penting dalam ilmu tasawwuf.

- 2.1 Nyatakan makna maqam dan hal beserta dalil daripada Quran.
- 2.2 Huraikan DUA daripada maqam-maqam berikut:
 - i- Taubat
 - ii- Zuhud
 - iii- Wara
 - iv- Sabar
 - v- Reda

- 2.3 Jelaskan maksud hal keadaan jiwa yang *Muraqabah* kepada Allah SWT.

Soalan Ketiga (10 markah)

Tazkiyah al-Nafs atau penyucian jiwa merupakan metod penting dalam membentuk keunggulan peribadi insan.

- 3.1 Jelaskan maksud *Tazkiyah al-Nafs* dari sudut bahasa dan istilah beserta dalil daripada Quran dan Hadith.
- 3.2 Huraikan bagaimana proses *Tazkiyah al-Nafs* ke arah mencapai akhlak terpuji atau *akhlak mahmudah*.
- 3.3 Nyatakan matlamat utama *Tazkiyah al-Nafs*.

Soalan Keempat (10 markah)

- 4.1 Terangkan tiga bentuk jiwa (*al-nafs*) manusia yang disebutkan di dalam Quran.
- 4.2 Huraikan SATU sahaja maksud daripada *qaul* berikut:
- Yahya bin Muaz al-Razi, merupakan salah seorang ulama Tasawwuf. Beliau berkata:

مَنْ عَرَفَ نَفْسَهُ فَقَدْ عَرَفَ رَبَّهُ

Maksudnya:

“Barangsiapa yang mengenal dirinya, maka dia akan mengenal Allah”

- Diriwayatkan bahawa Imam Malik bin Anas pernah berkata:

مَنْ تَصَوَّفَ وَلَمْ يَتَفَقَّهْ فَقَدْ تَرَنَدَ قَ وَمَنْ تَفَقَّهَ وَلَمْ يَتَصَوَّفْ فَقَدْ تَفَسَّقَ
وَمَنْ جَمَعَ بَيْنَهُمَا فَقَدْ تَحَقَّقَ.

Maksudnya:

“Barangsiapa mempelajari ilmu tasawwuf tanpa ilmu fiqh, maka dia telah menjadi zindiq. Barangsiapa yang mempelajari ilmu fiqh tanpa tasawwuf, maka dia telah fasiq. Dan barangsiapa yang menghimpunkan kedua-dua ilmu tersebut, maka itulah sebaik-baik dan sesempurna perkara”.

Soalan Kelima (10 markah)

- 5.1 Pilih SATU sahaja daripada tokoh Sufi berikut dan huraikan latar belakang mereka tidak melebihi daripada 500 patah perkataan. (*Tulis jawapan di dalam kertas jawapan yang disediakan*).
- Al-Muhasibi
 - Al-Ghazali
 - Hasan al-Basri
 - Rabi‘ah al-Adawiyah
- 5.2 Tuliskan nama ulama sufi dan nama kitab penulisan mereka masing-masing di dalam jadual berikut:

KURUN	ULAMA SUFI	NAMA KITAB
Kedua Hijrah	1.	2. <i>Ri'ayah Li Huquqillah</i>
Ketiga Hijrah	Abu Yazid al-Bustami	3.
	4.	5.

Muka 3 dari 3

Keempat Hijrah	Abu Nasr al-Siraj al-Tusi	6.
	Abu Talib al-Makki	7.
	8.	<i>Al-Ta'aruf li Mazhab Ahli Al-Tasawwuf</i>
	Al-Hujwairi	9.
Kelima Hijrah	10.	11.
	12.	<i>Risalah al-Qusyayriyah</i>

بالتوفيق والنجاح